



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W. P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Pemenang Anugerah Kualiti  
Perdana Menteri 2004  
Pemenang Anugerah Perdana  
Teknologi Maklumat 2006



Tel. : 03-8885 3001  
Faks : 03-8889 2187  
E-mel : ismail@jpa.gov.my

Ruj Kami : JPA(S)TT.7076 Klt.12/( 91 )

Tarikh : 16 Januari 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

**PEMBATALAN SURAT JPA BIL. JPA(S)TT.7076 JLD.9/(101) BERTARIKH  
28 NOVEMBER 2003 MENGENAI KEWAJIPAN MENGISYTIHARKAN HARTA  
OLEH PEGAWAI AWAM DI BAWAH PERATURAN 10, PERATURAN-  
PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993**


Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah membuat kajian semula mengenai penggunaan borang pengisytiharan harta "Borang JPA(T)1/03" di Lampiran 'A' dalam surat edaran tersebut dan mendapati ia tidak relevan lagi diguna pakai oleh pegawai awam kerana pelaksanaan sub modul Pengisytiharan Harta melalui aplikasi HRMIS telah dilaksanakan secara menyeluruh. Pada masa ini, pelaksanaan aplikasi sub modul Pengisytiharan Harta HRMIS telah mengguna pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 mengenai Pemilikan dan Pengisytiharan Harta Pegawai Awam yang lebih bersepadu dan telus dalam usaha meningkatkan integriti pegawai awam.

3. Oleh itu, surat jabatan ini Bil. JPA(S)TT.7076 Jld.9/(101) bertarikh 28 November 2003 tersebut adalah **dibatalkan berkuat kuasa serta-merta**. Berikutan dengan pembatalan surat berkenaan, agensi-agensi yang belum melaksanakan HRMIS hendaklah mengguna pakai borang pengisytiharan harta dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

  
(TAN SRI ISMAIL ADAM)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA